

HARI : KHAMIS  
TARIKH : 11/7/2019  
M/SURAT : 17

## RUU Syarikat (Pindaan) 2019 dilulus pertingkat tadbir urus

Dewan Rakyat semalam, sebulat suara meluluskan Rang Undang-undang (RUU) Syarikat (Pindaan) 2019, yang bertujuan meningkatkan tahap tadbir urus syarikat dan perbadanan menjadi lebih efektif.

RUU yang dibentangkan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Chong Chieng Jen, diluluskan selepas dibahaskan lebih lima jam oleh 14 Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang.

Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Nga Kor Ming, mengumumkan RUU itu diluluskan tanpa pindaan selepas bacaan kali ketiga.

Chieng Jen ketika menggulung perbahasan RUU itu berkata, pindaan akta berkenaan tidak mengubah dasar asal akta terbabit, sebaliknya menambah baik prosedur tadbir urus, pengurusan dan memudahkan perjalanan perniagaan syarikat.

"Terdapat 13 seksyen dalam akta asal dipinda bertujuan mewujudkan sistem tadbir urus yang cekap, syarikat lebih mematuhi peraturan ditetapkan dan penentuan kelayakan pelantikan pen-

garah syarikat," katanya.

Beliau berkata, pindaan itu juga bermatlamat menjadikan perjalanan sesuatu syarikat dan perniagaan lebih telus, bebas unsur penipuan atau jenayah dan mencekalkan tanggungjawab pengaruh jika berlaku elemen penipuan dalam syarikat.

"Ia selaras dengan hasrat kerajaan yang mahu melancarkan operasi dan perjalanan sesebuah syarikat serta perniagaan, selaras dengan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)," katanya.

*Terdapat  
13 seksyen  
dalam akta asal  
dipinda bertujuan  
mewujudkan  
sistem tadbir  
urus yang cekap.*

*Chong Chieng Jen,  
Timbalan Menteri  
Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna*